

**PENDIDIKAN ESTETIKA DARI PENDEKATAN TAWHID DAN GAGASAN
PERSURATAN BARU SEBAGAI MODEL TEORI SASTERA ISLAM YANG IDEAL
CETUSAN MOHD. AFFANDI HASSAN.**

(An aesthetic education of Tawhidic approach and new narrative paradigm as ideas as a model of an ideal theory of Islamic literature by Mohd Affandi Hassan).

OLEH

PROFESOR MADYA DR. ADLI BIN YAACOB¹

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan konsep sastera Islam yang dilontarkan oleh Mohd. Affandi Hassan. Dia telah menunjukkan dua idea untuk menjelaskan konsep kesusasteraan Islamnya. Pertama, estetika dari pendekatan Tauhid, kedua, idea penulisan baru. Pertama-tama dia menekankan pada alam semulajadi berdasarkan tauhid yang mesti memahami dan menghayati falsafah hakikat manusia, inti pati pengetahuan dan amal, serta fakta dan fungsi sastera secara mendalam. Selanjutnya, untuk menerapkan konsep ini kepada para pelajar, dia memperkenalkan kaedah yang disebut KIBLAT yang terdiri daripada membaca, memahami, menafsirkan, menikmati dan menyusun. Lebih-lebih lagi, dalam proses menyusun karya seni, dia mencadangkan kaedah baru yang disebut ESPEN, sebuah karangan pendek. Semasa dalam idea kedua 'Sastera Baru' dia menekankan konsep ihsan dan konsep taklif dalam menghasilkan karya agung. Kemudian, Affandi membahagikan pembahagian karya menjadi tiga tahap: Pertama: karya menulis, kedua; karya sastera, ketiga; tidak bernilai / karya erotik / pornografi. Melalui kajian ini, penulis dapat menonjolkan keperibadian Affandi dalam bidang keilmuan terutamanya kritikan sastera. Melalui 'dua idea' yang ditunjukkan oleh Affandi seolah-olah 'konsep sastera Islam' hampir mencapai kesempurnaan.

Kata Kunci: Estetika, Tauhid, penulisan baru, kesusasteraan Islam, KIBLAT, ESPEN, hakikat manusia, hakikat ilmu, taklif, ihsan.

ABSTRACT

This study relates to the concept of Islamic literature directed by Mohd. Affandi Hassan. He has shown two ideas to explain the concept of his Islamic literature. Firstly, aesthetic education of Tawheed approach, secondly, new writing ideas. In the first place he emphasized on the nature based on Tawheed that must understand and appreciate the philosophy of the essence of man, the essence of knowledge and charity, as well as the fact and literary function in depth. Next, in order to apply this concept to the students, he introduced a method called KIBLAT to them consisted of reading, understanding, interpreting, enjoying and composing. Moreover, in the process of composing a work of art, he suggested a new method called ESPEN, a short essay. While in the second ideas of 'New Literature' he emphasized the concept of ihsan and concept of taklif in producing the masterpiece. Then, Affandi divides the distribution of the work into three stages: First: writing work, second; literary works, third; not valuable / erotic / pornographic works.

¹ Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my

Through this study, highlighting the affirmative personality of Affandi in the field of science especially literary criticism. Through the 'two ideas' shown by Affandi it is as if the 'Islamic literary concept' has almost reached perfection.

Keywords: Aesthetic education of tawheed, new writing ideas, concept of islamic literature, KIBLAT, ESPEN, the essence of man, the essence of knowledge and charity, the fact and literary function the fact of human, taklif, ihsan.

Nama Mohd. Affandi Hassan² (seterusnya Affandi) mungkin asing di bibir masyarakat umum hari ini, tetapi beliau cukup hebat apabila menampilkan persoalan penting dalam membentulkan konsep sastera sehingga menggemparkan dunia sastera Melayu di Malaysia. Beliau telah mengetengahkan ungkapan ‘Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid’ dan gagasan ‘Persuratan Baru’, sebagai ‘mauduk’ dalam mengupas konsep sastera Islam pada kaca matanya. Di sini penulis akan mengupas tentang ‘Pendidikan estetika dari pendekatan Tauhid’ kemudian gagasan ‘Persuratan Baru’ dalam mencari konsep sastera Islam mengikut pandangan Affandi.

Pendidikan estetika dari Pendekatan Tauhid:

Pendidikan estetika yang dimaksudkan ialah pendidikan adab dalam pengajaran sastera yang turut mengaitkan hubungan adab secara langsung dengan manusia. Adab menurut beliau mempunyai hubungan dengan tiga entiti penting dalam diri manusia iaitu rohani, jasmani dan aqal. Dari segi rohani, adab dirujuk sebagai penyempurnaan tugas sebagai hamba Allah dan tugas khalifah Allah di muka bumi. Dari perspektif jasmani pula adab dinilai sebagai susunan hidup bermasyarakat yang terkandung di dalamnya beberapa elemen penting seperti disiplin, ketertiban, kerjasama, persaudaraan (keharmonian), ketaatan kepada hukum dan komitmen kepada keadilan. Manakala dari segi aqal, adab dikaitkan dengan penggunaan aqal dengan betul dengan mengetahui batas-batas kemampuan dan kekuatan aqal itu sendiri. Atas dasar ini, mereka mampu mengetahui hakikat kewujudan Allah dan kedudukan insan sebagai makhluk Allah (Affandi, 1992: 9)

² Mohd. Affandi Hassan seorang pesara Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD). Beliau menulis cerita pendek, novel, esei dan kritik sastera. Tujuh buah kumpulan cerita pendeknya telah diterbitkan: *Matinya Seorang Pahlawan* (Kota Bharu: Percetakan Dian, 1971); lima buah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (*Le Masque*, 1974; *Mimpi Rakyat*, 1985; *Pura Pujangga*, 1990; *Tenggelam di Lautan China*, 1994; *Biarlah Orang Tahu*, 2005); sebuah oleh Penerbit Fajar Bakti (*Bukan Ahli UMNO: Bukan Salah SSB*, 1998). Novelnya *Algupit* (1993) berupa sebuah satira politik yang antara lain mengemukakan idea Dua Kerajaan dalam politik Malaysia; manakala novelnya *Pujangga Melayu* (Penerbit Fajar Bakti, 1997) membicarakan konsep pengarang dalam warisan Islam dan Melayu dan gagasan Persuratan Baru. Beliau menganjurkan “pendidikan estetika” di sekolah-sekolah dengan menerbitkan buku *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* (DBP, 1992). Beliau berasal dari Kelantan.

Maka ‘pendidikan estetika’ dalam konteks yang telah dijelaskan ialah meneliti karya sastera dari dua aspek. **Pertama**; makna dari segi struktur yang mencirikan keindahan sesebuah karya dan **kedua**; makna dari segi perutusan yang melibatkan isi, falsafah, mesej, moral yang mencirikan kebenaran dari segi pandangan tauhid. Beliau menegaskan bahawa dengan menekankan dua aspek inilah maka setiap karya sastera dapat dinikmati keindahannya dari segi seni (penelitian struktur) dan dari segi kandungannya (isi dan perutusan). Kedua-dua aspek ini menjadi puncak kepada maksud pendidikan adab dalam pengajian sastera. Hal ini demikian kerana menurutnya, aspek keindahan dan kebenaran dalam kesusasteraan tidak boleh dipisahkan.

Seterusnya beliau menekankan peranan penulis menurut al-Quran al-Karim. Al-Quran telah menampilkan dua situasi yang berbeza berkaitan sasterawan. Penulis yang baik ialah mereka yang mendapat petunjuk berupa ilham daripada Allah yang beramal soleh dan melakukan perbuatan yang baik. Sebaliknya penulis yang jahat disifatkan sebagai penulis yang berada di bawah pengaruh syaitan yang menyatakan sesuatu yang tidak selaras dengan perbuatannya. Mereka beriman dengan kata-kata tanpa tujuan yang baik berserta dengan pendirian yang benar, dan sudah jelas mereka itu bersifat munafik dan berbohong. Dua situasi ini telah dinyatakan oleh Allah dalam Surah Ibrahim ayat 24-27 dan Surah As-Syu’araa ayat 221-227.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيْبَةً كَشَجَرَةً طَيْبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُعَاهَا فِي السَّمَاءِ {24} ثُوُتِي أَكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ {25} وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَيْرَيَةٍ كَشَجَرَةٍ خَيْرَيَةٍ اجْتَنَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ {26} يُبَيِّنُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ {27} ³
هَلْ أُنَيْكُمْ عَلَى مَنْ تَنَزَّلُ الشَّيَاطِينُ {221} تَنَزَّلُ عَلَى كُلِّ أَفَاكِ أَثِيمٍ {222} يُلْقُونَ السَّمْعَ وَأَكْثُرُهُمْ كَادِبُونَ {223} وَالشُّعَرَاءَ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ {224} أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ {225} وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ {226} إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا

³ سورة ابراهيم، الآية 24-27

وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ
ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ {227}⁴

Justeru berdasarkan ayat ini sasterawan Islam wajib menentukan karyanya agar tidak bercanggah dengan syariah dengan menjadikan ‘kalimah tayyibah’ sebagai asas dalam berkarya.

SIFAT SASTERA YANG BERASASKAN TAUHID

Affandi menegaskan sastera yang berdasarkan tauhid perlu bersifat ‘didaktik’ dan bukan ‘propaganda’. Sastera yang didaktik adalah bercirikan sesuatu yang benar, indah, harmoni, sempurna, membuat manusia mengenal hakikat dirinya dan mengenal hakikat penciptanya serta kesusasteraan yang mencerminkan kebijaksanaan sejagat yang boleh dimanfaatkan oleh semua manusia sepanjang zaman. Bentuk genre sebegini berbeza dengan sastera propaganda iaitu sastera yang mendokong ideologi yang sifatnya sangat subjektif dan sempit, menolak kebijaksanaan sejagat, memaksa pandangan hidup yang sempit serta kekeliruan yang mampu dilihat segalanya ke dalam neraca politik dan ekonomi semata-mata, umpamanya idealogi komunis. Beliau sependapat dengan pandangan Ismail al-Faruqi yang mengatakan bahawa perbezaan di antara sastera yang bersifat didaktik dan propaganda adalah dari aspek penggunaan *style* yang digunakan. *Style* ini dapat dikesan melalui pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid dan bukan melalui pendidikan sastera⁵. Dalam pendidikan sastera, pengajaran hanya dilihat daripada perutusan lahiriah semata-mata (keindahan struktur), hal ini berbeza dengan kaedah pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid yang menekankan pengajaran dari aspek struktur dan isi kandungan yang luhur (Affandi, 1992: 15).

Justeru itu, mengikut takrifan Affandi, kesusasteraan daripada pendekatan tauhid perlu melihat makna karya dari segi struktur dan juga perutusan. Oleh itu, ia perlu kepada metodologi yang berupaya membentuk model yang lengkap dan menyeluruh yang memberikan konteks yang sempurna kepada aspek rohani, jasmani, dan akal manusia. Gabungan ketiga-tiga unsur inilah yang dapat memberikan makna kepada sesebuah karya

⁴ سورة الشعراء، الآية 227-221

⁵ Beliau memaksudkan ‘pendidikan sastera’ yang biasa dalam masyarakat Malaysia, khususnya apa yang diikut oleh para sasterawan yang dipengaruhi pendidikan sekuler barat.

sehingga ia dapat ditafsirkan dengan tepat bagi menggapai sesuatu genre sama ada dari segi perutusan atau struktur.

Untuk memahami konsep yang ditampilkan, beliau menekankan pemahaman tiga perkara. Pertama; hakikat insan, kedua; hakikat ilmu dan amal, dan ketiga; hakikat serta fungsi sastera.

1) Hakikat Insan

Dalam menyelami hakikat insan, Affandi menegaskan bahawa amat perlu bagi seseorang sasterawan memahami hakikat ini mengikut neraca Islam dan Al-Quran. Manusia ialah satu makhluk baharu yang dijadikan daripada unsur bumi (tanah) dan kemudian ditiupkan roh oleh Allah S.W.T.. Justeru itu, manusia diberikan pengiktirafan sebagai khalifah di atas muka bumi. Namun begitu, kedudukannya akan jatuh ke tahap yang paling rendah seandainya manusia gagal mengimplikasikan watak hamba dalam dirinya.

Para sasterawan perlu menyedari keistimewaan yang dimiliki oleh manusia yang tidak dimiliki oleh makhluk lain. Manusia melalui aqalnya telah diberikan persediaan secara tabii untuk menerima ilmu dan tanggungjawab moral. Manusia juga secara fitrah diberikan kebebasan memilih dan mampu membuat pertimbangan di antara baik dan buruk. Seterusnya, manusia akan dipertanggungjawabkan atas setiap apa yang dilakukan. Dia tidak boleh menyalahkan orang lain atas kejahatan dan keburukan yang menimpanya kerana dia telah diberi peluang untuk memilih. Dalam hal ini, sasterawan perlu memahami konsep qada' dan qadar dalam kehidupan manusia.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ثُمَّ إِلَى رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ {15} ⁶

Aqal yang dianugerahkan kepada manusia merupakan anugerah yang paling agung kerana dengannya status manusia diangkat serta dihormati. Dengannya manusia mampu meneroka dunia dan manfaatnya. Dengannya juga manusia mampu membina kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat. Manusia yang meletakkan peranan aqal pada tempat yang selayaknya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai *al-falah* (kebahagian) di dunia dan di akhirat.

Namun begitu, dalam hakikat insan, manusia sering lupa diri, lantaran kemudahan dan kebahagiaan yang diperolehi. Kesenangan yang dinikmati yang sepatutnya disyukuri sebaliknya diingkari dengan menzahirkan sifat insan yang cepat lupa dengan bersikap angkuh dan sompong, melampaui batas, merasa dirinya serba cukup, bebas melakukan segala

⁶ سورة الجاثية، الآية 15

kejahatan dan kemuasahan serta kezaliman. Al-Quran mengingatkan bahawa manusia tidak dijadikan secara sia-sia, dia tidak akan dibiarkan begitu sahaja, malah setiap perbuatannya akan dipertanggungjawabkan, walaupun sebesar zarah sekalipun akan dinilai dan dihukum di depan 'khalik'nya.

Manusia yang lupa tentang asal usulnya, angkuh dan lupa daratan perlu diperingatkan bahawa mereka berasal daripada air yang hina (ماء مهين). Air yang keluar dari saluran yang sama dengan saluran air kencing ini disatukan dalam rahim perempuan melalui jalan yang sama di pihak perempuan. Kemudian manusia dilahirkan melalui saluran yang sama. Begitulah manusia yang berasal daripada bibit yang hina dan lemah yang mana permulaan kehidupannya adalah melalui saluran najis, kemudian muncul menjadi makhluk pembantah dan penderhaka yang hebat kepada penciptanya.

Untuk melengkapkan perihal ‘hakikat insan’, Affandi pendapat dengan Imam Al-Ghazali dalam memberikan huraian tentang psikologi insan. Manusia terdiri daripada empat unsur psikologi yang penting iaitu roh, aqal, hati dan nafsu. Sifat-sifat kehaiwanan dan kebinatangan berasal daripada hawa nafsu. Manusia juga memiliki sifat-sifat ketuhanan iaitu sifat-sifat positif yang mendorong manusia kepada kebaikan (Affandi, 1992: 18). Sifat-sifat yang didalangi hawa nafsu seringkali menggoda manusia supaya melakukan kejahatan untuk menewaskan aqal. Oleh itu, sering kali berlaku konflik dalam diri manusia di antara kebaikan dan kejahatan. Iman, ilmu, dan amal soleh sahajalah yang benar-benar dapat mengawal manusia seterusnya membentuk peribadi yang unggul selaku Muslim.

2) Hakikat Ilmu dan Amal

Dalam membahaskan persoalan ini, Affandi menekankan saranan al-Quran yang menegaskan bahawa setiap tindakan itu perlu bersandarkan ilmu yang benar seperti dalam firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْنُوًّا لَا {36} ⁷

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa setiap tindakan kita haruslah bersandarkan ilmu yang benar. Hal ini menjadi asas kepada kerja atau usaha manusia. Sesuatu usaha yang tidak disandarkan kepada ilmu yang benar akan membawa kepada implikasi kerugian dan sia-sia. Beliau sependapat dengan Imam al-Ghazali yang menetapkan bahawa ilmu yang berasaskan iman iaitu ‘keyakinan’ dapat memastikan manusia itu mampu menunaikan tanggungjawabnya dalam beribadah kepada khaliknya dan memakmurkan dunia dengan membina tamadun yang berasaskan tauhid. Al-Quran telah menjelaskan bahawa

⁷ سورة الإسراء، الآية 36

sumber ilmu ialah Allah S.W.T. yang diterima oleh hati dan aqal untuk ditafsirkan. Al-Quran ada menyebut:

وَعَلِمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنِبُوْنِي بِاسْمَاءٍ هَوْلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ {31} قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ {32}⁸

Dalam hal ini beliau sependapat dengan Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang berpandangan bahawa ilmu sebagai ‘ketibaan makna sesuatu ke dalam diri’. Ini bermaksud ilmu ialah sesuatu yang membawa makna kepada seseorang setelah ia dirujuk dan ditafsirkan oleh hati dan aqal manusia (Affandi, 1992: 20). Dalam hal ini, ilmu ialah hakikat ‘Islam’ yang telah membawa manusia kepada tanda-tanda yang jelas tentang hakikat insan sebagai makhluk dan Allah sebagai al-Khaliq (Pencipta).

Manusia memerlukan tiga sumber ilmu untuk memahami hakikat hidupnya iaitu aqal, pengalaman, dan wahyu. Wahyu merupakan sumber ilmu yang utama, manakala aqal dan pengalaman tidak mungkin dapat memahami kewujudan Allah S.W.T dengan tepat. Untuk memahami kewujudan Allah S.W.T serta realiti adanya akhirat dan hakikat kejadian manusia, hal itu perlu kepada sumber wahyu dan hadith Rasulullah S.A.W. yang disokong oleh bantuan aqal dan pengalaman.

Satu noktah penting yang cuba diketengahkan oleh Affandi ialah persoalan tentang perbezaan di antara ‘ilmu’ dan ‘pengetahuan’ (*sciences*). Pengetahuan diperoleh melalui aqal dan pengalaman manakala ilmu hanya dapat dicapai melalui iman. Pengetahuan yang mendalam boleh menguatkan iman, mengukuhkan keyakinan, dan menjadikan seseorang lebih insaf akan keterbatasan aqal serta pengalamannya. Walaupun ciri utama bagi ilmu dan pengetahuan ialah maklumat, tetapi sifatnya berbeza. Ini kerana pengetahuan ialah sesuatu yang didapati setelah dicari, diusahakan dan ditemui. Maka ia diambil oleh orang yang mengingini kerana ia memang diingini, dicari dan diusahakan. Tetapi sebaliknya ilmu ialah sesuatu yang diberi oleh Allah s.w.t kepada manusia yang disampaikan melalui Nabi dan Rasul; sesuai sebagai satu pemberian, anugerah, hadiah, petunjuk, kurnia, maka manusia bebas menerima dan menolaknya. Senario ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Kahfi ayat 29:

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكُفِرْ إِنَّا أَعْنَتْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا وَإِنْ يَسْتَغْيِثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَسْوِي الْوُجُوهَ بِسَرَابٍ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا

⁹{29}

⁸ سورة البقرة، الآية 32-31

Satu noktah penting tentang topik yang ditekankan oleh Mohd. Affandi ialah; ilmu memberi manusia hikmah dan kebijaksanaan, kerana ia sering mendorong manusia mengerjakan amal soleh demi untuk mencapai ‘al-falah’ yang hakiki. Manakala pengetahuan melahirkan kepandaian atau kemahiran tertentu yang belum tentu menjuruskan manusia ke arah amal soleh yang selalunya membawa manusia melakukan ‘al-fasad’ (kerosakan) (Affandi, 1992: 20).

Oleh itu, manusia memerlukan ilmu dan pengetahuan untuk membina kehidupan dunia dan ukhrawinya. Manusia memerlukan pengetahuan untuk memberinya kemahiran dan teknologi, juga untuk meningkatkan daya kreativitinya bagi mencapai kemajuan dan memperbaiki kehidupannya, pada masa yang sama manusia memerlukan iman yang akan memberinya ilmu (hidayah) sebagaimana pengetahuan itu harus dicari, dikumpul, diajar dan digunakan. Oleh itu, ilmu akan menjadikan pengetahuan lebih jelas arah perkembangannya, lebih mantap kedudukannya, lebih bermakna untuk kehidupan manusia, dan yang paling penting ialah lebih terjamin penggunaannya untuk kebaikan semata-mata.

Harus diingatkan, dalam penerangan sebelum ini dijelaskan bahawa ilmu ialah sesuatu yang diberikan oleh Allah S.W.T., tetapi ia bukanlah bererti ilmu itu akan datang begitu sahaja tanpa diusahakan kerana sesuatu yang dilakukan tanpa usaha ialah ‘mimpi’. Mengikut Al-Ghazali, ‘ilmu ladduni’ yang dikurniakan kepada manusia biasa, biasanya diberikan setelah melalui proses pencarian ilmu secara usaha dengan menggunakan deria melihat, merasa, merenung seterusnya berfikir¹⁰. Ilmu yang dimaksudkan ialah keperluan kepada dua jenis komitmen. **Pertama;** komitmen yang bersifat rohani ‘iman’ dan **kedua;** komitmen yang bersifat akal dan logik yakni pemikiran, renungan, pemerhatian, ujian, percubaan dan latihan yang bersungguh-sungguh untuk menguasainya. Ini kerana kedua-dua komitmen (unsur) inilah yang akan membawa manusia mengenal Allah S.W.T. seterusnya dapat membaca ayat-ayatnya dengan betul. Sebaliknya pengetahuan hanya memakai aqal dan pengalaman hanya berupaya membuat manusia tahu sesuatu tetapi tidak mengenalnya. Ilmu pula membuat manusia tahu dan kenal sekaligus, maka inilah yang dimaksudkan dengan ayat al-Quran:

⁹ سورة الكهف، الآية 29.

¹⁰ Namun begitu di dalam beberapa kes tertentu terdapat manusia-manusia istimewa yang diberikan ‘ilmu ladduni’ daripada Allah S.W.T. Penulis tidak menyangkal perkara ini tetapi ia amat jarang berlaku yang mana manusia tidak boleh menjadikannya alasan untuk tidak menuntut ilmu dunia untuk mendapatkan ‘ilmu ladduni’.

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ {28} ¹¹

3) Hakikat dan Fungsi Sastera

Dalam membicarakan persoalan ini, seseorang perlu memahami dua hakikat sebelum ini dengan jelas iaitu; hakikat insan dan hakikat ilmu beserta amal. Kesusasteraan merupakan hasil kreativiti manusia. Justeru itu, hakikat dan fungsi sastera harus dilihat dari segi fungsi hakiki manusia dan hakikat ilmu serta amalnya yang dilahirkan dengan matlamat hidup insan.

Dalam mengupas persoalan ini, Affandi Hassan menekankan soal keadilan iaitu ‘meletakkan sesuatu pada tempatnya’. Oleh itu, disebabkan seniman itu ialah seorang yang mampu menghasilkan sesuatu dengan persembahan yang kreatif, maka dia perlu ‘tahu’ meletakkan sesuatu pada tempatnya dan tidak menyeleweng. Apabila seseorang seniman menggunakan bakatnya, maka hasil daripada penggunaan bakat itu haruslah membuat manusia mengetahui sesuatu sastera secara tepat, sehingga dia dapat berlaku adil kepada dirinya dan kepada hasil yang terbit daripada bakatnya serta orang yang akan menggunakanannya.

Dalam konteks ini, beliau membezakan konsep kebebasan dalam berkarya antara seniman yang bertunjangkan iman dan hanya bertuhankan aqal. Hal ini demikian, kerana mengikut kacamata barat, seseorang seniman perlu mempunyai kebebasan dalam meluahkan kreativitinya; kebebasan yang boleh melangkaui nilai keadilan bahkan batasan insaniah itu sendiri. Natijahnya, akan lahirlah hasil seni yang berdasarkan nilai dan persepsi seniman itu semata-mata. Konsep dan seni yang sebegini amat bahaya dan bercanggah dengan Islam kerana ia akan mencerminkan kandungan hawa nafsu manusia yang rendah dan kasar, serta liar tabiatnya dan hanyut daripada tujuan sebenar walaupun barangkali ianya diolah dan disunting dengan menarik sekali. Andainya fenomena dan situasi ini memenuhi khalayak sastera dan penulisan kreatif, maka soal-soal penting akan dipinggirkan; soal isi dan perutusan akan dilihat sebagai satu juzu’ yang tidak penting. Bahkan apa yang lebih menakutkan ialah pembicaraan tentang sastera akan mempunyai elemen-elemen sampah, dangkal, mengada-ngada, sesat serta keliru, dan seterusnya akan dianggap sebagai karya yang bermutu mengikut pandangan serta penilaian peribadi seniman yang subjektif atas asas penilaian ialah ‘freedom of expression’ iaitu kebebasan berkarya.

Affandi menjelaskan senario ini sebenarnya telah mendominasi nilai kesusasteraan di Malaysia dan Indonesia. Banyak sekali puisi-puisi yang hanya mementingkan bentuk luaran

yang tidak diberi fungsi ilmiah, tetapi dikaburi dengan salutan emosi yang agak keterlaluan. Fenomena inilah yang dihasilkan oleh seniman-seniman di Malaysia dan Indonesia yang akhirnya diberi penilaian tinggi yang berlebih-lebihan.

Mengikut Affandi, membuat penilaian mengikut pandangan yang subjektif dan peribadi ini menjadi asas dalam konsep kreativiti Barat. Mereka menekankan hakikat sastera dari segi *fictionality*-nya, sifat khayal dan imaginatif, rekaan dan ciptaan manusia yang berbakat seni (R. Wellek & A. Warren, 1963, V 2 & V 3). Sebenarnya konsep *functionality* berkait rapat dengan konsep seni yang meniru alam. Dengan itu seni sifatnya *representative*. Maka dengan itu kita dapati aliran yang terkenal dalam seni Barat dinamakan naturalisme (meniru alam), realisme (meniru perilaku manusia), romantisme (meniru perasaan). Dengan melihat hakikat dan fungsi sastera dari sudut *functionality*-nya, maka Horace seorang seniman agung Barat merumuskan fungsi sastera dalam slogannya yang terkenal, “*dulce et utile*” (sweet and useful); sastera itu menyeronokkan dan berguna. Seronok di sini bermaksud tidak membosankan dan ia bukanlah satu beban. Manakala berguna yang dimaksudkan di sini ialah tidak membuang masa dan ia selayaknya diberi perhatian yang serius. Lanjutan daripada slogan ini terdapat beberapa pendapat yang mengatakan fungsi sastera adalah menghibur sambil mengajar di mana penekanan kepada slogan ini telah membawa kepada konsep seni untuk seni atau sastera propaganda.

Bagi Affandi, fungsi sastera mengikut kaca mata Barat adalah sempit dan mengelirukan; terbatas hanya kepada aspek lahiriah dan luaran untuk memuaskan nafsu dan emosi serta daya intelek yang ukurannya terlalu relatif dan sementara dan seringkali membuat manusia gagal mengenal hakikat dirinya. Islam tidak menolak *functionality* dalam seni sastera kerana perkara ini merupakan ciri utama dalam sastera tetapi dalam praktik seni Islam, fiksyen diberi bentuk yang berlainan daripada fahaman Barat. Persoalan ini ada dijelaskan oleh Ismail al-Faruqi dalam bukunya *Islam and Arts* (الإسلام والفن) (Ismail al-Faruqi, 1995: 25).

Islam melihat kesusasteraan sebagai sejenis amal manusia yang menggunakan daya kreatif (bakat) sebagai amanah. Seorang seniman menggunakan bahasa yang indah dan teknik yang berkesan untuk memberi makna yang sedalam-dalamnya tentang hakikat insan dan hakikat ilmu serta amal. Secara ringkas Affandi menyimpulkan bahawa fungsi kesusasteraan dalam Islam dapat dirumuskan sebagai satu usaha untuk melahirkan karya yang indah dan bermakna. Indah dan bermakna itu dilihat dalam konteks hakikat insan dan hakikat ilmu dan amal. Indah juga bermaksud dicipta berdasarkan cara dan teknik tertentu sesuai dengan genre

yang dibentuk atau dipakai. Manakala bermakna pula memberi pengertian yang benar dan mendalam tentang manusia, tentang hakikat keinsanan, dan sesuai dengan pandangan hidup tauhid. Maka indah dan bermakna ini bermaksud sebagai fungsi estetik dan fungsi intelek dalam sastera. Sesungguhnya hakikat tauhid menjadi dasar dalam Islam yang mengutamakan aspek aqal dan intelektual dari aspek emosi dan hawa nafsu. Maka seniman Islam berkarya untuk menyembah Allah SWT, tetapi seniman Barat berkarya untuk menyembah hasil seninya atau hawa nafsunya.

Beliau menjelaskan Islam telah menampilkan al-Quran dan al-Hadith sebagai contoh yang terbaik dalam berkarya di mana kedua-duanya menekankan soal makna dan makna tersebut terkandung dalam konstruksi atau penggunaan bahasa yang tepat dan isi yang benar. Seterusnya beliau mendatangkan beberapa contoh daripada Al-Quran yang membawa ciri-ciri tersebut umpamanya dalam Surah Al-Isra' dan Al-Hijr:

وَاحْفِظْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

¹² {24}

وَاحْفِظْ جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ {88} ...

Kedua-dua ayat ini mengajar manusia agar menghormati orang tua dan orang-orang yang beriman dengan sikap lemah-lembut dan kasih sayang dengan menggunakan perumpamaan sayap burung yang hinggap di sarangnya untuk menyampaikan maksud tadi. Dalam ayat ini menggambarkan burung yang kembali daripada mencari rezeki untuk anak-anaknya hinggap perlahan-lahan dengan mengembangkan sayapnya untuk melindungi anak-anaknya. Di sini dapat dilihat bukan sahaja perbandingan yang indah dan tepat dalam menggambarkan situasi yang sebenarnya, tetapi perutusannya juga tepat dan indah serta benar untuk semua manusia pada semua zaman seperti benarnya kelakuan burung tadi untuk sepanjang zaman dan tidak akan berubah.

Mengikut Affandi, ini ialah salah satu contoh yang terdapat dalam al-Quran tentang contoh ‘indah dan bermakna’ yang menjadi hakikat dan fungsi sastera Islam. Penekanan kepada makna memberi implikasi bahawa penggunaan bahasa adalah padat, ringkas, tepat, bersahaja tetapi kaya dengan makna yang mendalam apabila diuraikan daripada keseluruhan karya. Mengikut Affandi, dalam warisan kesusasteraan Melayu lama terdapat ciri-ciri ini

¹² سورة الإسراء، الآية 24.

¹³ سورة الفجر، الآية 88.

dalam syair-syair Hamzah Fansuri, manakala dalam warisan kesusasteraan Melayu moden ia terdapat dalam syair-syair Amir Hamzah. Akhirnya, beliau menyimpulkan bahawa kesusasteraan ialah ‘adab’ dalam ertiannya yang hakiki yang dijelmakan dalam *style* yang indah dan berkesan, bukan dalam retorik yang kosong dan mengada-ngada.

Seterusnya Affandi menampilkkan kaedah bagaimana hendak melaksanakan pendidikan estetika dalam bentuk praktikal yang diajukan khusus kepada kita hari ini agar diterapkan dalam pendidikan anak-anak. Kaedah ini dinamakan KIBLAT (Kaedah Bersepadu Lima Tangga) iaitu membaca, memahami, mentafsir, menikmati dan mengarang (Affandi, 1992: 48-59).

1) Membaca

Beliau membahagikan membaca kepada tiga peringkat:

- a) Membaca dengan lidah – mengucap dan mendengar ucapan yang dibaca.
- b) Membaca dengan aqal – memerhati makna dan memikirkannya.
- c) Membaca dengan hati – merasakan kebenaran makna tadi dan keindahannya.

Tujuan membaca dengan lidah dan didengar oleh khalayak ialah untuk mewujudkan persekitaran karya sastera agar karya mendapat tempat dan dihargai oleh khalayak. Seterusnya membaca peringkat kedua dan ketiga ialah untuk memahami dan mentafsir. Pada tahap ini, karya sastera dianalisa dan ditafsir isi dan strukturnya.

2) Memahami

Dalam cubaan memahami teks sastera, beliau menampilkan dua kaedah. Pertama; kaedah asas iaitu dengan menggunakan struktur teks sastera sebagai dasar. Pada peringkat ini para pelajar harus diperkenalkan dengan segala aspek yang berhubung dengan selok-belok pembinaan karya sastera tentang logik, *style* dan teknik, retorik, dan sebagainya. Kedua; kaedah sokongan yang mana ianya membantu fungsi dan peranan kaedah asas. Ini kerana kaedah asas tidak mampu memberi kefahaman sepenuhnya kepada para pelajar tentang satu-satu genre. Mereka memerlukan kaedah sokongan dalam memahami teks secara lebih mendalam. Dalam kaedah sokongan ini para pelajar perlu mengetahui latar belakang satu-satu genre yang melibatkan sejarah, sosiologi, ekonomi, politik, agama, dan sistem nilai. Pendekatan melalui kedua-dua kaedah ini dapat menuju ke arah memahami hakikat sastera yang indah dan bermakna.

Menurut beliau, dengan membezakan di antara ‘kaedah asas’ dan ‘kaedah sokongan’, maka para pelajar dapat membezakan dua aspek penting dalam pendidikan estetika. Pertama; melalui kaedah asas dapat dilihat ciri-ciri sastera dan bagaimana seni sastera itu dihasilkan oleh penulis. Kedua; melalui kaedah sokongan yang berkaitan dengan sosiologi sastera, kita dapat melihat bagaimana sastera itu berfungsi dalam masyarakat.

3) *Mentafsir*

Affandi berpendapat bahawa tafsiran perlu mengikut corak dan cara pentafsiran al-Quran iaitu mesti dimulai daripada makna asas yang jelas, bukan daripada makna kias yang tidak jelas. Keadaan akan menjadi kacau jika makna asas dan makna kias ini tidak dibezakan. Justeru, pentafsir akan mendapati ‘kepelbagaian makna’. Oleh itu tidak dapat dipastikan apakah makna yang sebenar. Untuk mengetahui makna yang sebenar maka satu-satu genre atau karya perlu ditafsirkan dalam konteks persekitaran karya dengan menggunakan kaedah asas dan kaedah sokongan. Dalam hal ini beliau sepandapat dengan Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang mana Syed Naquib menjelaskan; *What constitutes meaning, or the definition of meaning, is recognition of the place of anything in a system, which occurs when the relation of a thing has with others in the system becomes clarified and understood. We have defined knowledge epistemologically as the arrival in the soul at the meaning of a thing. The meaning of a thing means the right meaning of it, and what we consider to be the right meaning is in our view determined by the Islamic vision of reality and truth as projected by the Quranic conceptual system (al-Attas, 2001: 19 & 28).*

4) *Menikmati*

Seterusnya, matlamat terakhir pendidikan estetika adalah menikmati karya sastera seluruhnya berasaskan pembacaan yang betul dan teliti, pemahaman yang penuh, dan pentafsiran yang terperinci. Tahap ini dinamakan membaca dengan hati untuk merasakan kebenaran makna karya dan keindahannya. Untuk menjayakan tahap ini, karya-karya yang baik dan bermutu tinggi perlu dipilih supaya manfaatnya dapat diambil sepenuhnya. Affandi berpendapat perkara ini tidak dilaksanakan dalam sistem pendidikan sekarang. Mengikutnya sistem pengajian sastera dewasa ini kurang teratur dan tidak jelas falsafah dan matlamatnya. Menurutnya lagi, corak pengajaran sastera pada waktu ini telah gagal menimbulkan rasa gemar kepada karya sastera yang bermutu, kerana tidak menekankan aspek makna dan penglibatan secara aktif para pelajar dalam membaca, memahami, mentafsir dan menikmati karya secara dinamik dan kritis.

Peringkat ‘menikmati’ amat penting dalam ‘konsep pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid’. Hal ini demikian kerana pada tahap ini kegiatan ‘menilai dan menikmati’ dilakukan secara sekaligus berasaskan kefahaman dan tafsiran yang telah dilakukan sebelumnya. Kesimpulannya, penilaian yang kritis sangat penting kerana sesuatu yang hendak dinikmati mestilah sesuatu yang baik, bermanfaat, benar, indah, dan bermakna.

5) Mengarang

Seterusnya peringkat kelima dan terakhir dalam kaedah ini ialah mengarang. Setelah melalui empat tahap sebelum ini seharusnya seseorang telah bersedia untuk mengarang dengan baik. Mengarang dalam erti kata dapat membezakan di antara karya yang indah dan bermakna (*beautiful and meaningful*) dengan karya yang hanya penuh dengan hiasan dan keseronokan (*decorative and hedonistic*).

Pada tahap ini, seseorang itu diajar dan dididik untuk cuba menghasilkan sendiri kerja penulisan dengan mengambil iktibar daripada semua aspek seni persuratan yang dikenali, dipelajari, dan dianalisa dalam empat tahap yang lalu. Dengan itu, seseorang akan dapat merasakan sendiri proses kreatif, terutama sekali dalam memberikan makna kepada ucapan. Penulisan, meskipun dilakukan secara senyap dan bersendirian pada hakikatnya ialah satu bentuk pengucapan kerana bahasa hanya dapat dihidupkan dengan suara dan tidak ada bahasa yang bisu (walaupun wujudnya bahasa untuk orang bisu).

Seterusnya dalam proses untuk mengarang karya seni, beliau mencadangkan agar seseorang itu perlu menyediakan lima jenis catatan yang mengandungi perkara-perkara berikut (Affandi, 1992, 58).

- 1) Catatan tentang para pengarang dan pendapat peribadi sendiri tentang seni mengarang.
- 2) Catatan tentang buku-buku penting yang dibaca dengan ringkasan isinya dan kesannya dalam diri pembaca.
- 3) Catatan tentang tajuk-tajuk yang diminati seperti politik, falsafah agama dan lain-lain.
- 4) Catatan tentang idea-idea baharu yang difikir sendiri untuk digunakan dalam penghasilan karya seni.
- 5) Catatan tentang maklumat-maklumat umum tentang pelbagai perkara yang mungkin berguna suatu waktu nanti seperti dialog-dialog menarik yang didengar, kejadian-kejadian yang luar biasa, dan sebagainya.



Bagi merealisasikan konsep ‘pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid’ ini, Affandi mencadangkan agar para pelajar didedahkan dengan beberapa karya yang bermatlamat dan bermanfaat serta teruji keutuhannya dan tidak dipertikaikan lagi keulungannya. Bahan-bahan yang masih dipertikaikan, yang baru diterbitkan dan bersifat popular tidak harus digunakan. Ini kerana, pelajar harus didedahkan dengan sesuatu yang terbaik dan berhak mendapat yang terbaik. Untuk mencapai maksud ini beliau mencadangkan Abahan-bahan terbaik yang digunakan adalah berasaskan kepada (Affandi: 1992: 60-64).

- 1) **Kisah-kisah dari Al-Quran dan Al-Hadith.**
- 2) **Hasil-hasil sastera dunia** – tanpa mengira batas geografi dan bangsa. Apa yang perlu dimanfaatkan ialah falsafah yang baik dan nilai yang tersurat dan tersirat di dalamnya.
- 3) **Sastera Melayu klasik dan sastera rakyat.** Ia perlu dipilih daripada karya yang bermutu yang mempunyai nilai-nilai yang positif untuk dimanfaatkan oleh khalayak.
- 4) **Teks wajib.** Antara teks yang dicadangkan ialah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Kalilah Wa Dimnah*, *Hikayat Isma Yatim*, *Hikayat Bakhtiar*, dan *Hikayat Inderaputra*. Teks-teks ini dipilih kerana memiliki unsur-unsur Melayu klasik serta hikmah yang terkandung di dalamnya.
- 5) **Tokoh dan karyanya.** Beberapa orang tokoh terkenal dalam persuratan Melayu haruslah diperkenalkan secara dekat, dipelajari pemikirannya dan dianalisa hasil karyanya. Antara tokoh yang dicadangkan ialah pendeta ZAABA, Haji Agus Salim, Abdul Rahim Kajai, Amir Hamzah, dan Hamzah Fansuri.
- 6) **Syair dan pantun.** Pelajar perlu didedahkan kepada syair dan pantun agar mereka dapat mengamati nilai estetika di dalamnya. Kerana kebanyakan pelajar hari ini hanya terdedah kepada genre sajak-sajak moden yang kebanyakannya mendedahkan para pelajar kepada luahan perasaan, rintihan, rayuan, kemarahan, kebencian dan pemerhatian sekali imbas yang dangkal yang ada kalanya mendorong kepada unsur-unsur yang kurang baik.

Sebagai kesimpulan terhadap teori yang dikemukakan, Affandi menampilkan ‘Espen’ sebagai genre sastera Islam. Espen ialah singkatan kepada eseи dan cerpen yang menggariskan matlamat utamanya untuk mengetengahkan hakikat kejadian insan berasaskan ajaran wahyu. Oleh yang demikian, Espen perlu dibataskan sebagai genre sastera Islam daripada dicemari dengan pelbagai kekotoran hawa nafsu dan jiwa manusia yang sesat yang menolak kebenaran hakikat insan seperti yang terkandung dalam ajaran Islam. Dalam erti kata lain, Espen boleh memainkan peranan yang besar dalam menjadi media pemikiran dan kreativiti dalam seni persuratan berasaskan tauhid.

Meskipun Espen merupakan seni persuratan berasaskan tauhid, namun ianya tidak menghalang penulis-penulis bukan Islam untuk menulis Espen. Ini kerana mengikut pandangannya, Islam untuk semua manusia dan al-Quran ialah petunjuk untuk semua manusia. Demikian juga Espen untuk semua penulis. Seorang penulis bukan Islam boleh menulis sastera Islam dalam bentuk Espen jika dia menerima hakikat insan menurut wahyu dan menulis Espen dalam konteks itu; samalah seperti seorang bukan Islam boleh mereka bentuk dan membina masjid walaupun dia tidak menggunakaninya. Untuk diterima sebagai Espen dan sebagai genre sastera Islam, sesebuah karya hanya perlu memperlihatkan adanya kefahaman yang mencukupi tentang hakikat insan menurut ajaran wahyu; sama seperti bangunan masjid perlu tepat arah kiblatnya dan dibina untuk dijadikan masjid. Menurut Affandi lagi, tidak aneh jika seorang penulis bukan Islam boleh memberi sumbangan dalam sastera Islam dengan menulis Espen, seperti mana kemampuan seorang penulis Islam menghasilkan sastera sekular yang anti-Islam, walaupun dia masih sembahyang, puasa, dan sebagainya dan masih kekal sebagai seorang Muslim. Dalam hal ini perlu dijelaskan kekeliruan dalam menyamakan aspek akidah dengan akhlak dalam Islam. Seseorang yang mengucap dua kalimah syahadah adalah Muslim dari segi aqidahnya; tetapi seorang yang menghayati akhlak Islam, mencerminkan cara hidup Islam walaupun dia sendiri dari segi aqidahnya berada di luar Islam. Justeru itu, beliau menambah tidak mustahil suatu hari nanti ada kemungkinan sastera Islam ditulis oleh orang bukan Islam yang menghayati cara hidup Islam dari perspektif moralnya lebih baik daripada akhlak penulis Muslim itu sendiri(Affandi, 1992: 85). Islam mengakui bahawa kebenaran (al-haq) milik Islam, tetapi pada masa yang sama mengakui kebaikan milik manusia seluruhnya. Orang bukan Islam boleh melakukan kebaikan walaupun dia tidak berada dalam lingkungan kebenaran hakiki (al-Haq). Kebaikannya adalah dihargai dan dimanfaatkan di dunia dan tidak di akhirat.

KONSEP SASTERA ISLAM (PENDIDIKAN ESTETIKA DARIPADA PENDEKATAN TAUHID) MENGIKUT MOHD. AFFANDI HASSAN



Affandi telah menampilkan sedikit kelainan dalam membahaskan topik “Konsep Sastera Islam”. Beliau mengetengahkan konsep “Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid” yang membawa makna yang sama dengan konsep sastera Islam. Apa yang menarik terhadap konsep yang ditampilkan ialah beliau membahaskan konsep ini dari segi teori, kemudian dikupas pelaksanaan teori tersebut kepada praktikal.

Beliau amat menekankan soal makna *al-adab* itu sendiri yang mana persoalan ini menjurus kepada pembinaan keperibadian manusia yang akhirnya mempengaruhi karya pengarangnya. Seterusnya beliau mengaitkan kehidupan manusia yang beradab itu mempunyai keseimbangan di antara rohani, jasmani dan akal yang mengetahui hakikat kehidupannya sebagai hamba Allah, begitu juga khalifah Allah di muka bumi ini. Seseorang itu perlu menjaga disiplin, ketertiban, kerjasama, keharmonian dan keadilan dalam hidup bermasyarakat. Seterusnya dia mengetahui hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, hakikat kewujudan Allah dan hakikat fungsi sastera. Hasil karya yang lahir daripada cernaan yang sebegini akan membentuk karya yang berasaskan tauhid. Apabila kita menelusuri pemikirannya kita akan dapati beliau amat terpengaruh dengan idea dan saranan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas. Beliau seolah-olah mengembangkan gagasan dan idea yang dilontarkan oleh al-Attas. Namun bezanya disini, beliau ingin melaksanakan idea itu dalam bentuk yang lebih realiti dan praktikal. Meskipun banyak yang terpengaruh dengan al-Attas namun begitu beliau juga banyak merujuk kepada pendapat tokoh-tokoh besar yang lain seperti Prof. Ismail al-Faruqi dan Prof. Fazlur Rahman. Berkenaan dengan tafsir al-Quran beliau banyak merujuk kepada tafsir Muhammad Assad dan Mohd. Yusuf Ali.

Apa yang menarik tentang konsep yang ditampilkan ialah beliau ingin menghubungkan konsep kefahaman tentang *al-adab* dengan karya-karya yang telah dilahirkan oleh sasterawan Islam zaman silam baik dalam tradisi Melayu dan Arab. Pada beliau, kekuatan intelektual Islam pada zaman silam itu mempunyai konsep kefahaman *al-adab* yang tinggi sehingga terlahirnya karya-karya yang agung dan luar biasa sifatnya. Untuk memastikan keberkesanan idea yang dilontarkan, beliau telah tampil dengan kaedah yang cukup menarik yang diajukan kepada Kementerian Pendidikan untuk mengubah corak pengajian sastera dalam kalangan pelajar seterusnya menerangkan nilai-nilai tauhid dalam karya mereka. Kaedah KIBLAT (Kaedah Bersepadu Lima Tangga) iaitu; membaca, memahami, mentafsir, menikmati dan mengarang merupakan kaedah yang ‘realistik’ dan ‘praktikal’ untuk dilaksanakan bagi melatih generasi muda mendekati sastera dengan cara yang betul.

Saranan beliau mengenai ‘teks’ pilihan yang harus dikaji oleh pelajar paling sesuai membentuk keperibadian kesusasteraan yang unggul. Untuk mengikat para pelajar dengan asas akidah dan sumber wahyu, beliau mencadangkan kisah-kisah dari al-Quran dan hadith untuk dikaji dan dihalusi. Sebenarnya, sumber ini amat perlu dititikberatkan agar seseorang itu mengetahui selok belok, *style* dan kaedah penceritaan dari sumber al-Quran. Pengetahuan ini amat penting agar ia dapat diadaptasikan dalam proses pengkaryaan mereka.

Kemudian cadangan beliau agar mengkaji hasil-hasil sastera dunia tanpa mengira batas geografi dan bangsa adalah untuk mendedahkan pelajar kepada karya-karya bermutu supaya dapat menjadi ukuran dalam proses pengkaryaan mereka, seterusnya membentuk pemikiran mereka menjadi lebih global. Kemudian mengenai kewajipan bagi menelaah sastera Melayu klasik dan sastera rakyat ini bertujuan agar pelajar tidak putus daripada asas dan nilai yang membentuk jiwa bangsa mereka. Karya sastera yang sebegini perlu dipupuk bagi membentuk semangat patriotisme yang diasaskan oleh kesedaran terhadap Islam akan menghasilkan karya yang terangkum di dalamnya nilai yang boleh dimanfaatkan oleh anak bangsa kerana ia menyumbang kepada pembinaan kebudayaan Islam setempat.

Kajian terhadap tokoh-tokoh tersohor dan karya-karya ulungnya merupakan bahan yang boleh dimanfaatkan oleh para pelajar untuk dihayati, dipelajari dan dianalisa pemikirannya. Tokoh-tokoh yang dicadangkan ialah seperti Pendeta ZAABA, Haji Agus Salim, Abdul Rahman Kajai, Amir Hamzah dan, Hamzah Fansuri. Mereka ialah tokoh-tokoh penting dalam pembinaan kebudayaan Melayu. Kajian terhadap tokoh-tokoh ini amat penting kerana mereka bagaikan nukleus penting dalam pembentukan kebudayaan, kesusasteraan dan pemikiran dunia Melayu di samping merekalah yang telah mencorakkan serta mewarnai wajah setiap sudut kehidupan bangsa. Apabila para pelajar mengkaji tentang tokoh-tokoh ini, mereka dapat membina semangat serta daya intelektual. Di samping itu, ia boleh dijadikan ukuran oleh generasi hari ini tentang kelemahan yang perlu diatasi dan kelebihan yang perlu dimanfaatkan.

Dalam usaha untuk mengelakkan generasi muda hari ini daripada terpengaruh dengan sajak-sajak moden yang tidak berkualiti, mereka seharusnya didedahkan kepada syair dan pantun Melayu. Hal ini demikian kerana dua genre ini menyimpan rahsia dan nilai estetika yang tinggi. Nilai dan rahsia ini perlu digali dan dimanfaatkan agar mereka dapat melahirkan karya yang bukan sahaja mempunyai unsur-unsur moden tetapi juga menampilkan nilai-nilai estetika Melayu untuk terus dijaga dan dimanfaatkan.

Cadangan Affandi dengan genre ‘Espen’ yang diperkenalkan amat menarik. Ia perlu dikaji dan dianalisa untuk diadaptasikan dalam bentuk yang praktikal. Prof. Mohd. Kamal Hassan, seorang tokoh besar dalam bidang pemikiran Islam memberi komen yang amat menarik tentang usul genre Espen ini. Beliau menyebutkan; “Selepas Hamzah Fansuri mencipta bentuk syair dalam sastera Melayu lama, mungkin inilah percubaan kedua daripada seorang penulis Melayu untuk membina satu genre baru dalam sastera Melayu, kali ini dalam bentuk prosa pula. Bentuk ‘Espen’ yang disarankan oleh penulis dikawal begitu rupa dari segi pengolahan dan tekniknya untuk memastikan hasilnya memenuhi kriteria yang dikemukakan oleh penulis dalam teori sastera beliau” (Affandi, 1992: IX).

Gagasan Persuratan Baru

Tunjang gagasan Persuratan Baru ialah konsep taklif, yang menghuraikan hakikat ilmu dan hakikat insan, yang kemudiannya menjelaskan hakikat seni dalam Islam. Menurut Affandi, manusia dalam konteks taklif adalah sejenis makhluk yang dijadikan Allah S.W.T., bukan hasil evolusi seperti yang diandaikan dalam Darwinisme. Oleh itu manusia bertanggungjawab kepada Penciptanya, bukan kepada alam tabii (Affandi, Engku Maimunah, M. Zariat, 2008: 59).

Hal ini bertepatan dengan firman Allah dalam Surah adh-Dhariyat; ayat 56 yang menjelaskan peranan manusia sebagai hamba.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ {56} ¹⁴

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*

Peranan manusia sebagai khalifah pula dinyatakan dalam Surah al-Baqarah; ayat 30.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً¹⁵

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.*

Affandi juga menyebut tentang keindahan bahasa mengikut konsep *uswah hasanah* dan *kalimah tayibah* yang diajarkan oleh Islam yang menjadi prinsip gagasan Persuratan Baru (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 3).

Gagasan ini lahir di bumi intelektual Malaysia sebagai satu alternatif, mungkin yang terbaik, untuk menganalisis dan menilai karya kreatif, di samping member saranan konkret

¹⁴ Surah adh-Dhariyat; ayat 56.

¹⁵ Surah al-Baqarah; ayat 30.

bagaimana menulis karya-karya kreatif yang memberi tumpuan, secara sedar, kepada konsep ilmu yang benar (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 5).

Beliau mengkritik secara tegas dan terus penilaian panel Anugerah Sastera Negara yang memberi gelaran Sasterawan Negara (SN) kepada penerimanya dalam ungkapan berikut:

“Gagasan Persuratan Baru muncul untuk menghadapi masalah penilaian dan analisis karya kreatif, terutama sekali setelah sastera Melayu moden melahirkan sembilan orang Sasterawan Negara. Masalah penilaian itu timbul apabila beberapa pertanyaan yang penting tidak dapat dijawab dengan memuaskan. Misalnya, adakah karya para Sasterawan Negara itu benar-benar yang terbaik yang pernah dihasilkan oleh para penulis Malaysia? Jika karya itu yang terbaik, apakah ciri-cirinya yang boleh dijadikan panduan untuk memajukan lagi karya kreatif Malaysia? Sejauh mana ukurdan dan penilaian panel Anugerah Sastera Negara boleh diterima dan boleh dipakai? Jika pertanyaan seumpama itu tidak dibenarkan, maka kita tidak dapat menentukan dengan tepat, jitu dan objektif ketokohan para Sasterawan Negara dan mutu sebenar karya mereka. Dalam sebuah negara yang mementingkan ilmu, kita harus berupaya membuat pilihan terbaik, yang tepat, jitu dan objektif berdasarkan prinsip-prinsip yang dapat dipertahankan secara ilmiah. Kita mungkin berpuas hati, malah ada yang berasa bangga, kerana telah berjaya melahirkan sejumlah Sasterawan Negara. Tetapi adakah kita berpuas hati terhadap “analisis” dan penilaian yang dibuat oleh panel Anugerah Sastera Negara? Pertanyaan ini penting kerana jawapannya boleh membantu kita memahami “ketinggian nilai” karya dan kekuatan pemikiran para sasterawan. Atau sebaliknya, yakni penilaian itu membuat kita jadi keliru.” (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 6).

Beliau juga mengkritik sebuah buku tentang sejarah kritikan sastera di Malaysia iaitu *Sejarah Kesusteraan Melayu Moden: Esei Kritikan* (2003); diselenggarakan oleh Hashim Awang dengan bantuan tiga orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Buku sejarah kritikan ini gagal menonjolkan seorang tokoh pengkritik yang hebat dalam bidang kritikan iaitu Za’ba yang menulis kitab *Ilmu Mengarang Melayu* (1934). Za’ba melalui kitab ini telah memperkenalkan beberapa perkara penting dalam sastera Melayu seperti menggariskan panduan dalam mengarang, aspek-aspek penting retorik Melayu, membicarakan bahasa kiasan dan gaya bahasa yang baik serta aspek estetik dalam pantun dan syair.

Menurut Affandi, walaupun pengarang buku ini bercakap secara umum tentang “kritikan” yang telah wujud beribu tahun dalam masyarakat Melayu, namun mereka tidak nampak seorang tokoh sehebat Za’ba yang mengkritik begitu tajam gaya bahasa yang buruk,

bahasa kiasan yang lemah, dan pengaruh asing yang mencacatkan penulisan rencana yang berkesan dalam bahasa Melayu (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 12). Hal ini menjadi bukti bagaimana sastera moden telah mengetepikan ilmu dalam bentuk wacana ilmiah kerana terlalu memberikan perhatian terhadap aspek kreatif dalam bentuk naratif (plot).

Affandi berpandangan bahawa masyarakat feudal Melayu tidak menghargai kehadiran ahli fikir yang tegas pendiriannya, bertanggungjawab terhadap ilmunya, adil dalam membahaskan ilmu, yang sentiasa mencari kebenaran sebagai matlamat hidupnya, dan berani berlainan pendapat dengan orang lain atau masyarakatnya. Hal ini kerana buku tersebut menyebut sambil lewa pandangan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, tetapi tidak menerimanya sebagai seorang ahli fikir atau seorang pengkritik sastera Melayu moden yang penting. Salah satu kesimpulan beliau yang sangat penting tentang kesusasteraan Melayu sebelum Islam ialah tumpuannya kepada seni dan estetika, manakala kedatangan Islam membawa kesusasteraan itu kepada rasionalisme berteraskan ilmu (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 16).

Menurut beliau lagi, tujuan buku *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan* ialah untuk membawa mereka¹⁶ kembali kepada tradisi dan tamadun intelektual Islam. Selain dari itu, mereka harus kenal dengan agak mendalam tradiri pemikiran Barat yang teori sasteranya selalu berubah-ubah itu. Hasilnya nanti ialah satu kefahaman yang sempurna tentang seni mengarang, yang dikaitkan dengan peranan epistemologi Islam (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 8).

Konsep *Ihsan* dan *Taklif* dalam Gagasan Persuratan Baru

Affandi telah mengemukakan persolaan mengenai perbezaan “bahasa sastera” dengan “bahasa persuratan” di awal perbahasannya. Sebelum ini perbezaan ini tidak dapat dilihat dan tidak pun diberi perhatian, tetapi dengan adanya penekanan terhadap *wacana* yang bersifat ilmu dan *cerita* yang bersifat peristiwa dalam tulisan kreatif yang dipanggil karya sastera, terdapat kecenderungan besar untuk menggunakan “bunga bahasa” yang berlebihan. Karyakarya kreatif sangat mewah dengan “bunga bahasa”, tetapi miskin dengan makna yang mendalam (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 19).

Penggunaan bahasa dalam persuratan bukan untuk perhiasan seperti dalam karya sastera, tetapi untuk mempertajam dan menjelaskan makna yang ingin disampaikan.

¹⁶ Yang dimaksudkan ialah golongan penggiat sastera di Malaysia seperti sasterawan, pengkarya, pengkritik dan sebagainya.

Contohnya, penghujahan Iqbal dalam puisinya untuk membina peribadi yang unggul, dilakukan dalam konteks penggunaan bahasa yang terikat kepada taklif, oleh itu keindahan bahasa yang dipakainya memperkuat keyakinan kita kepada hakikat taklif dalam pembinaan peribadi yang unggul tadi. Penggunaan bahasa bercorak begini hanya dapat dicapai jika seseorang benar-benar faham hakikat taklif dan dia sekaligus faham pula dengan mendalam makna ihsan dalam perilaku manusia, dalam caranya beramal. Yakni dia faham dengan mendalam hakikat amal dalam ikatan taklif tadi (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 22-23).

Dalam konteks yang dirumuskan dalam gagasan Pesuratan Baru, karya yang mengutamakan “luahan emosi” adalah karya sastera; manakala yang mengutamakan pemikiran dalam bentuk wacana yang tersusun berdasarkan konsep ilmu yang benar adalah karya persuratan. Seperti yang disebut lebih awal, karya sastera kaya dengan “keindahan bahasa” yang diperolehi daripada “pernianan bahasa” untuk meluahkan emosi, dengan memberi tumpuan kepada cerita; sementara karya persuratan mengutamakan pemikiran dan analisis, dengan memberi tumpuan kepada wacana berdasarkan konsep ilmu yang benar. Dalam karya persuratan, keindahan bahasa dibebaskan seluas-luasnya untuk mencakup seluruh kegiatan intelektual para pengarang, tidak lagi terbatas kepada karya kreatif yang dipanggil karya sastera seperti sajak, novel, drama dan sebagainya (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 27).

1. *Ihsan*

Konsep *ihsan* yang digunakan dalam gagasan ini diadaptasikan daripada dua buah hadis terkenal dalam koleksi *Hadis Empat Puluh* yang disusun oleh Imam Nawawi iaitu hadis no. 2 dan hadis no. 17.¹⁷

¹⁷ Terjemahan hadis no. 2:

Daripada Saidina Umar R.A., beliau berkata: “Ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah S.A.W. pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang memakai pakaian yang sangat putih, berambut sangat hitam, yang tidak ternampak pada dirinya kesan-kesan tanda musafir dan tidak seorang pun di kalangan kami yang mengenalinya. Lalu dia duduk menghampiri Nabi S.A.W. lalu disandarkan kedua-dua lututnya ke lutut Baginda dan meletakkan dua tapak tangannya atas dua paha Baginda seraya berkata: “Wahai Muhammad! Terangkan kepadaku tentang Islam.” Lalu Rasulullah S.A.W. bersabda: “Islam itu bahawa engkau naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu utusan Allah, (dan bahawa) engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan haji ke Baitullah (Mekah) sekiranya engkau berkuasa mengerjakannya.” Lelaki tersebut berkata: “Benarlah engkau.” Maka kami pun merasa hairan kepadanya, dia yang bertanya dia pula yang membenarkannya. Dia bertanya: “Terangkan kepadaku tentang Iman. Baginda bersabda: “(Iman itu ialah) bahawa engkau percaya kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari kiamat dan bahawa engkau percaya kepada Qadar baik dan buruk. Lelaki itu berkata: “Benarlah engkau.” Dia berkata lagi: “Terangkanlah kepadaku

Terjemahan hadis no. 17¹⁸:

Menurut Affandi, Hadis 17 merujuk kepada kesempurnaan alat dan teknik (dalam ilmu persuratan merujuk kepada kemahiran yang tinggi dalam menggunakan bahasa); manakala Hadis 2 merujuk kepada kesempurnaan fahaman yang mendalam tentang hakikat taklif (dalam bentuk amal yang paling ikhlas). Dalam ilmu persuratan, konsep ihsan yang tersirat dalam kedua-dua hadis ini merujuk kepada kecanggihan teknik dan gaya yang dikuasai melalui pengalaman dan penguasaan ilmu yang benar (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 36).

2. *Taklif*

Menurut pendapat Shah Wali Allah, manusia terikat kepada *taklif*, dan ini dicirikan oleh tiga ciri yang menjadi rahsia taklif iaitu: 1) *keadilan*; 2) *ilmu pengetahuan*; dan 3) *ikhtiar*. Sesuatu perilaku manusia hanya dapat dikatakan adil jika diasaskan kepada konsep ilmu yang benar; dan dari ilmu yang benar itulah manusia membuat pilihan melalui ikhtiar yang dilakukan oleh akal yang terdidik dalam konsep ilmu yang benar tadi (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 34).

Pembahagian Karya Kreatif Mengikut Gagasan Persuratan Baru

Gagasan Persuratan Baru membahagikan karya kreatif kepada tiga kategori baru (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 40 & 65).

tentang Ihsan." Baginda bersabda: "*Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihatmu*". Lelaki itu bertanya lagi: "Terangkan kepadaku tentang kiamat." Baginda bersabda: "Orang yang ditanya tentang kiamat tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya." Lelaki itu berkata: "Maka terangkanlah kepadaku tentang tanda-tandanya." Baginda bersabda: "(Antara tanda-tandanya ialah) apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau melihat orang-orang miskin berkaki ayam, tidak berpakaian dan papa kedana yang hanya menjadi pengembala kambing berlumba-lumba membina bangunan (iaitu bertukar menjadi kaya raya)." Kemudian lelaki itu berlalu, lalu aku terdiam sebentar. Kemudian Baginda bertanya: "Wahai Umar! Adakah engkau tahu siapa lelaki yang bertanya itu?" Aku berkata: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda bersabda: "Sesungguhnya dia adalah Malaikat Jibril yang datang kepada kamu untuk mengajar kamu tentang agama kamu." (Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-Iman, No. 9 dan 10; al-Tirmizi, Kitab al-Iman, No. 2535, beliau berkata: Hadis ini hasan saih; al-Nasai, Kitab al-iman, No. 4904 dan 4905; Abu Dawud, Kitab al-Sunnah, No. 4075; Ibn Majah, Kitab al-Muqaddimah, No. 62 dan 63; Ahmad, Musnad al-'Asyarah al-Mubasysyirin, No. 346.) (*Hadis Riwayat Imam Muslim*)

¹⁸ Terjemahan hadith 17: *Dari pada Abu Ya'la Syaddad ibn Aus R.A., dari pada Rasulullah S.A.W., bahawa Baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah menulis (iaitu mewajibkan) Ihsan atas segala sesuatu. Apabila kamu mahu membunuh, maka perelokkanlah pembunuhan itu. Apabila kamu mahu menyembelih, maka perelokkanlah penyembelihan itu dan hendaklah kamu menjamkan mata pisau dan hendaklah dia menyenangkan haiwan sembelihannya itu."* (Hadis Empat Puluh, No. 17) (*Hadis Riwayat Imam Muslim*)

- 1) *Karya persuratan* yang ditulis dalam acuan gagasan Persuratan Baru berdasarkan konsep ilmu yang benar, bertunjangkan taklif dan mengutamakan wacana daripada cerita.
- 2) *Karya sastera* yang ditulis dalam acuan sastera yang memberi kebebasan mutlak kepada sasterawan untuk melakukan apa yang disenanginya berasaskan hawa nafsunya dan mengutamakan cerita yang diasaskan kepada emosi dan keseronokan.
- 3) *Karya picisan/erotik/lucuah* yang ditulis dalam acuan sastera, tetapi memberi penekanan kepada unsur keberharian antara lelaki dan perempuan dengan menggunakan unsur cerita sepernuhnya dan menjadikan seks dan hawa nafsu sebagai pengucapan kreatif.

Antara karya yang mempunyai ciri-ciri yang menjadi ukuran dalam gagasan Persuratan baru adalah seperti berikut:

- 1) *Elizabeth Costello* (2003), karya seorang penulis Afrika Selatan bernama J.M. Coetzee, pemenang Hadiah Nobel.
- 2) *Gilead*, karya Marilynne Robinson, seorang penulis perempuan yang juga seorang paderi, dipilih memenangi Hadiah Pulitzer 2004 di Amerika Syarikat.
- 3) *Manifesto Khalifatullah* (2005), karya seorang tokoh sastera Indonesia moden yang sangat terkenal di Malaysia, Achdiat Karta Mihardja. Novel ini ditulis ketika beliau berusia 94 tahun.

Sebagai penutup, Affandi mempamerkan kaedah yang ditunjukkan dalam tradisi ilmu dalam Islam iaitu apabila suatu pendirian keilmuan tidak disukai atau dipandang salah, maka pandangan itu akan dibahaskan dengan gigih, sehingga terbentuk pandangan yang akhirnya diterima umum. Sebaliknya, jika sesuatu pandangan diterima, maka akan tampil para penyokong untuk menyebarkan pemikiran atau pendirian itu seluas-luasnya. Terdapat dua pendirian yang jelas tentang budaya ilmu dalam Islam. Jika sebuah kitab yang diterbitkan, atau satu fatwa yang dikeluarkan disokong, maka kitab tadi diberi *sharh* (penjelasan terperinci); tetapi jika tidak dipersetujui, maka kitab atau fatwa tadi dikenakan *radd* (dibahaskan dengan terperinci, dikritik dengan mendalam) (Affandi, Engku Maimunah, M.Zariat, 2008: 69).

Sebagai contoh, Imam Ghazali telah menulis karya *Tahafut al-Falasifah* yang menceritkan perihal ahli-ahli falsafah (Islam) yang tersesat menurut pandangannya seperti Ibnu Sina. Kemudian tampil Ibnu Rushd yang menjawab salah faham dan kritikan tersebut dalam kitabnya *Tahafut al-Tahafut*. Maknanya, proses keilmuan dalam mencari kebaikan sentiasa berlaku dan diraikan, bukan sekadar menghapuskan kebatilan tetapi menjelaskan

atau menyedarkan masyarakat antara yang baik dan terbaik dan yang patut dan paling patut dilaksanakan dan diikut, demi kecemerlangan umat.

Penutup:

Konsep yang dikemukakan Affandi mengandungi banyak idea yang menarik dan perlu difikirkan dengan lebih mendalam oleh penulis, pengkritik, pendidik sastera serta siapa sahaja yang terlibat dalam bidang ini. Pada mulanya Affandi mencipta dengan idea kreatifnya konsep 'Pendidikan Estetika dari pendekatan Tauhid' kemudian bagi melengkapkan lagi konsepnya, dengan menampilkan gagasan 'Persuratan Baru'. Konsep yang dikemukakan oleh beliau sangat baik untuk dijadikan panduan kepada pencinta sastera Islam. Ia adalah 'kajian intelek' yang amat bernilai kepada pengakji sastera bukan hanya di Malaysia dan Indonesia bahkan diperingkat antarabangsa.

Rujukan:

- Al-Quran al-Karim.
Abu Dawud, Kitab al-Sunnah, No. 4075.
Ahmad, Musnad al-'Asyarah al-Mubasysyirin, No. 346.
Al-Nasai, Kitab al-Iman, No. 4904 dan 4905.
Al-Tirmizi, Kitab al-Iman, No. 2535,
Hadis Empat Puluh, No. 17.
Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-Iman, No. 9 dan 10.
Ibn Majah, Kitab al-Muqaddimah, No. 62 dan 63.
Ismail al-Faruqi, 1995, *Islam and Arts* (الاسلام والفن), Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd Affandi Hassan, 1992, **Pendidikan eastetika dari pendekatan Tawhid**, Dewan Bahsa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani, 2008, **Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan**, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rene Wellek & Austin Warren, 1963, **Theory of Literature**, Vol. 2 and 3, Harmond worth: Penguin Book.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2001, **Islam and the Philosophy of Science**, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.